

LEKOR



BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

www.pkt.edu.my | Jilid: Edisi 2016

KARNIVAL JOM MASUK IPT




Liga Futsal Politeknik
Malaysia 2016 : Ke-3



KEJOHANAN INTERPOLY RUGBY
10 SEBELAH MSPM 2016: JOHAN



Badminton :
Naib Johan



Assalamualaikum wrh. wbt. dan salam sejahtera.

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya kita telah dapat mengharungi bersama-sama segala cabaran dan rintangan sepanjang Tahun 2016. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan semua aktiviti yang telah dirancang berjaya dilaksanakan.

Sebagai mukaddimah kepada Buletin Lekor 2016 ini suka untuk saya berkongsi kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh PKT sepanjang Tahun 2016. Pada tahun ini PKT telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2016 yang telah berlangsung pada Julai yang lepas bertempat di Hotel Permai, Kuala Terengganu.

Pada konvensyen tersebut, PKT telah berjaya menjadi Johan bagi Kategori Pengurusan yang diwakili oleh Kumpulan E-Trans. Kumpulan ini telah berjaya membangunkan sistem e-Kursus. Bagi Kategori Teknikal pula kita berjaya meraih tempat kedua melalui projek Embedded System Applications yang diwakili oleh kumpulan STRIKERS. Kemuncak konvensyen tersebut telah menyaksikan PKT dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi Konvensyen KIK 2016. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan yang terlibat.

Ekoran daripada itu, satu lagi kejayaan telah dicipta oleh PKT di mana projek inovasi daripada Kumpulan E-Trans telah terpilih untuk mewakili Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia bagi Anugerah Ketua Pengarah MAMPU di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 sekali gus dinobatkan sebagai johan Anugerah Ketua Pengarah MAMPU 2016. Untuk makluman umum juga, PKT telah berjaya meraih anugerah ini dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2015 dan 2016. Pencapaian ini merupakan pencapaian terbesar yang amat membanggakan seluruh warga PKT.

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai membuktikan bahawa PKT telah menerajui inovasi dalam bidang Teknologi Maklumat. Ternyata kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga akademik PKT yang menjadikan faktor utama kejayaan ini. Pada masa yang sama ia menjadi pemangkin kecemerlangan pelajar dan inovasi ini akan terus ditingkatkan. PKT akan terus mengorak langkah dalam menghasilkan inovasi yang menyumbang ke arah pembangunan negara.

HJH. RADIAH BINTI CHE SU A.M.T
PENGARAH
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Sebagai Pengarah di Politeknik Kuala Terengganu saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih pada tahun ini akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PKT untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang. Saya percaya setiap warga PKT mempunyai kelebihan dan bakat tersendiri yang dapat menyumbang ke arah pembangunan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang terunggul di Malaysia. Semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa yang akan datang, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

02
LEKOR
2016

UTAMA DI LEKOR

Karnival Jom Masuk IPT 2016 **03**
Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) 2016 **04**

Aset **05**

Concept **06**

Hal Ehwal Pelajar (HEP) **07**

Galeri Gambar **08**

Hal Ehwal Pelajar (HEP) **08**

Inspektorat **09**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik **10**

Galeri Gambar **11**

Jabatan Kejuruteraan Elektrik **11**

Jabatan Matematik Sains & Komputer **12**

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi **15**
16

Unit Perpustakaan **17**
18

Jabatan Pengajian Am **19**

TAZKIRAH

Jadilah Seperti Lebah **13**
14

21 Unit Penyelidikan & Inovasi (RND)

22 Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia

22 Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia

23 Unit Kecemerlangan Akademik

24

25

26 Unit Perhubungan & Latihan Industri

27 Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan

28

INFO SUKAN

29 Unit Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan

30

31

32 Unit Sistem Maklumat

33

34 KOLEKSI GAMBAR 2016



Reka bentuk |
Muhammad Saifuddin Mat Zain

MARI KITE PAKAT GIE KARNIVAL JOM MASUK IPT

Majlis Perasmian Karnival Jom Masuk IPT 2016 telah berlangsung dengan meriah di Dewan Majlis Daerah Besut (Kg. Gong Kemuntong, Jerteh) pada 16.10.2016.

Perasmian disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris bin Jusoh dan turut sama Hajjah Radiah Che Su, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.





POLITEKNIK
MALAYSIA

SOARING
UPWARDS

04
LEKOR
2016

KONVENSYEN

كونفینشن

KIK 2016

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

26 - 28 JULAI 2016

POLITEKNIK MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN

PKT telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2016 yang telah berlangsung pada Julai yang lepas bertempat di Hotel Permai, Kuala Terengganu.

Pada konvensyen tersebut, PKT telah berjaya menjadi Johan bagi Kategori Pengurusan yang diwakili oleh Kumpulan E-Trans. Kumpulan ini telah berjaya membangunkan sistem e-Kursus. Bagi Kategori Teknikal pula kita berjaya meraih tempat kedua melalui projek Embedded Sistem Applications yang diwakili oleh kumpulan STRIKERS XVI. Kemuncak konvensyen tersebut telah menyaksikan PKT dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi Konvensyen KIK 2016. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan yang terlibat.



Nama Program | **BENKEL SISTEM PENGURUSAN ASET (SPA)**
Penganjur | Unit Aset Dan ULPL
Tarikh | 9 Jun 2016 (Khamis)
Tempat | Bilik Makmal Rangkaian JKE, PKT

Bengkel SPA ini bertujuan untuk memperkenalkan serta mengajar Penyelaras Aset di setiap Jabatan dan Unit mendalami cara penggunaan Sistem SPA yang digunakan di KPT.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK) 2016
 Unit Aset
 6 April 2016 (Sukuan Pertama)
 3 Julai 2016 (Sukuan Kedua)
 4 Oktober 2016 (Sukuan Ketiga)
 3 Januari 2017 (Sukuan Keempat)
 Bilik Persidangan, Aras 1, Politeknik Kuala Terengganu

Nama Program
Penganjur
Tarikh

Tempat

Dilakukan sebanyak 4 kali dalam setahun bertujuan untuk memberitahu tentang kedudukan aset serta perbelanjaan pembelian aset di PKT.

Nama Program | **MESYUARAT PEMERIKSAAN DAN PENYELARAS ASET PKT 2016**
Penganjur | Unit Aset
Tarikh | 19 Oktober 2016 (Rabu)
Tempat | Bilik Persidangan, Aras 1, Politeknik Kuala Terengganu

Bertujuan untuk persediaan awal sebelum audit bagi melancarkan perjalanan ketika pemeriksaan aset dilaksanakan.

MESYUARAT PENYELARAS ASET PKT
 Unit Aset
 27 Jun 2016 (Isnin)

Nama Program
Penganjur
Tarikh
Tempat

Bilik Persidangan, Aras 1, Politeknik Kuala Terengganu

Bertujuan untuk mengetahui masalah aset di setiap Jabatan dan Unit.

Nama Program | **PELAKSANAAN AUDIT PEMERIKSAAN ASET DAN VERIFIKASI STOR DI PUSAT TANGGUNGJAWAB DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Penganjur | Unit Aset
Tarikh | 25 – 27 Oktober 2016
Tempat | Jabatan & Unit masing-masing

Bertujuan memeriksa kedudukan aset sama ada dalam keadaan baik atau tidak.

Nama Program ANIMEPRENEURSHIP (SIRI I-III)
Penganjur Unit Aset Dan ULPL
Tarikh 8-10, 15-17, 22-24 November 2016
Tempat i. Makmal IT1, Politeknik Kuala Terengganu
ii. Agro Resort, Setiu, Terengganu

'Program Gerak Usahawan Kampus" ini dicadangkan secara komprehensif untuk pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang keusahawanan selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan Politeknik Malaysia dalam menggalakan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang teras dan holistik. Program ini juga mampu menerapkan budaya nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar Politeknik dalam mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah diri. Ianya juga sebahagian dari aktiviti tambahan dalam menjadikan pendidikan dan program keusahawanan Politeknik dalam melahirkan graduan yang berpotensi tinggi untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan khususnya dalam bidang animasi kreatif setelah tamat pengajian.

Nama Program KURSUS PEMASARAN DALAM TALIAN
Penganjur Unit Aset Dan ULPL
Tarikh 13-14 Mei 2016
Tempat Scout Inn Resort, Kuala Terengganu, Terengganu

Perniagaan dalam talian atau dikenali sebagai Business On-Line merupakan satu pilihan yang polular pada masa kini untuk menjadi seorang usahawan. Kaedah ini mempunyai pelbagai cara dan terbukti berkesan serta menjimatkan berbanding operasi perniagaan secara konvensional menggunakan premis. Latihan khusus kepada pelajar dalam bidang ini melengkapkan lagi ilmu yang dipelajari dalam kursus keusahawanan sedia ada.



Nama Program	KARNIVAL JOM MASUK IPT 2016
Penganjur	Unit Aset Dan ULPL
Tarikh	6 OKTOBER 2016
Tempat	DEWAN MAJLIS DAERAH BESUT, KG. GONG KEMUNTONG, JERTEH, TERENGGANU

Karnival Jom Masuk IPT 2016 dirasmikan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi. Karnival tersebut merupakan anjuran bersama Jabatan Pendidikan Politeknik, Bahagian Pengambilan Pelajar, Politeknik Kuala Terengganu dan Jabatan Pendidikan Tinggi (UPU) juga dengan kerjasama Parlimen Besut dan Pejabat Pendidikan Daerah Besut. Turut menjayakan karnival ialah 33 agensi yang mengadakan pameran dan promosi serta sekolah-sekolah menengah Daerah Besut.

Nama Program	PROGRAM CSR
Tarikh	26 OGOS 2016
Tempat	RUMAH ANAK YATIM ASRAMA PERKAYA, PULAU KERENGGGA, MARANG, KUALA TERENGGANU

Program Motivasi & Gotong Royong CSR Perkaya ini dianjurkan oleh Pembimbing Rakan Siswa (PRS) & Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Program diadakan adalah untuk menyemai nilai-nilai murni di kalangan pelajar dalam membantu masyarakat.

Nama Program	KEM REHLAH YADIM
Tarikh	8-10 DISEMBER 2016
Tempat	KEM DAMAI BEACH RESORT, BESUT

Kem Rehlah Yadim dianjurkan oleh ahli Kelab Yadim, PKT. Kem tersebut dirasmikan oleh Tn Hj Mohd Ghaus bin Ab Kadir. Banyak aktiviti yang dijalankan antaranya sesi latihan dalam kumpulan serta program-program yang dirancang untuk memantapkan lagi sahsiah dan kepimpinan diri.

GALERI GAMBAR

KARNIVAL JOM MASUK IPT 2016



PROGRAM CSR



KEM REHLAH YADIM



Nama Program
Tarikh
Tempat

KURSUS PEMANTAPAN PID
24 & 25 Februari 2016
Bilik Seminar R&D

Kursus ini dilaksanakan bertujuan memperkukuhkan pengetahuan berkaitan senarai semak audit berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan sedia ada.

Nama Program
Tarikh
Tempat

**AUDIT DALAM FAIL MEJA &
PENGURUSAN ORGANISASI**
1 hingga 3 Mac 2016
Bilik Persidangan PKT

Lokasi audit adalah di Jabatan Akademik dan Unit Pentadbiran di PKT. Pengauditan dilakukan berdasarkan dokumen dan rekod serta menemuduga pegawai yang berkaitan bidang audit.

Nama Program
Tarikh
Tempat

PERBINCANGAN HASIL AUDIT PID
23 Mei 2016
Bilik Kerja PID

Mengumpul maklumat dan rekod yang diperolehi mengenai audit bagi menyokong penemuan dan pendapat audit. Seterusnya, menghasilkan ciri-ciri laporan yang dipercayai, berobjektif, lengkap dan relevan.



JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Nama Program	PROGRAM POLIKASIH@BESUT 2016 , KERJA-KERJA PENDAWAIAN ELEKTRIK KOMUNITI HULU BESUT
Tarikh	FASA 1: 25-28 Feb 2016 FASA 2: 19-23 Apr 2016 FASA 3: 26-29 Mei 2016
Tempat	FASA 1: FELCRA KERUAK, DUN HULU BESUT FASA 2: KG. DARAU, DUN HULU BESUT FASA 3: KG. KUBANG DEPU, DUN HULU BESUT

Program ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membaik pulih kerosakan pendawaian elektrik di rumah-rumah yang dicadangkan di samping dapat memberi keyakinan dan motivasi kepada pelajar bidang Kejuruteraan Elektrik untuk mempraktik secara amali di lapangan sebenar. Selain itu untuk melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai kemahiran generik dengan gabungan teknikal dan aktiviti kemasyarakatan. Penglibatan seramai 15 orang jawatankuasa kerja PKT, 20 orang pelajar, JKKK Kg Keruak, JKKK Kg Darau, JKKK Kg Kubang Depu dan Pejabat Dun Hulu Besut.

Nama Program	LAWATAN KE KILANG ROHM-WAKO ELECTRON
Tarikh	9 Mac 2016
Tempat	Kilang ROHM-WAKO ELECTRONICS, Pengkalan Chepa

Program ini dapat memberi impak kepada Politeknik dalam memenuhi pencapaian KPI Transformasi Politeknik dan selaras dengan kehendak MQA. Di samping itu juga pelajar dapat memperluaskan atau memperkukuhkan pengetahuan serta kemahiran yang diberikan sepanjang kuliah sebelum menamatkan pengajian. Selain itu juga program ini mendedahkan pelajar dengan penggunaan teknologi terkini yang sedang hebat berkembang ketika ini serta dapat memberikan pengetahuan mengenai peluang pekerjaan. Justeru program ini juga, adalah sebagai medium menjana kenalan dan hubungan Politeknik Kuala Terengganu dengan pihak industri. Pelajar yang terlibat adalah seramai 37 orang pelajar dari Program DEP dan DEE.

Nama Program	BENGKEL AUTODESK AUTOCAD CERTIFIED PROFESIONAL
Tarikh	7-16 November 2016
Tempat	Makmal Rangkaian JKE PKT

Program ini dapat memberi impak kepada pelajar agar dapat memperluaskan atau memperkukuhkan pengetahuan serta kemahiran yang diberikan sepanjang kuliah sebelum menamatkan pengajian. Selain itu juga program ini mendedahkan pelajar dengan penggunaan teknologi terkini yang sedang hebat berkembang ketika ini. Justeru program ini juga, adalah sebagai medium menjana kenalan dan hubungan Politeknik Kuala Terengganu dengan pihak industri. Seramai 24 orang pelajar dari Program DEP dan DEE yang terlibat.

Nama Program	KURSUS GREEN CARD (CIDB)
Tarikh	19 September 2016
Tempat	Dewan JPA

Kursus Green Card (CIDB) yang telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama PKT dengan ABM Wilayah Timur CIDB. Kursus ini diharap dapat membantu pelajar memahami serba sedikit persekitaran di tapak pembinaan yang fokuskan pada isu-isu keselamatan, di samping pelajar dapat memiliki kad Hijau di mana melayakkan pelajar masuk ke tapak binaan dan juga beberapa keistimewaan lain seperti insurans dan sebagainya. Seramai 105 Pelajar dari Program DEP dan DEE yang terlibat.

GALERI G A M B A R



PROGRAM POLIKASIH@BESUT 2016



LAWATAN KE KILANG ROHM-WAKO ELECTRONICS



LAWATAN KE KILANG ROHM-WAKO ELECTRONICS



BENGLER AUTODESK AUTOCAD CERTIFIED PROFESSIONAL



PROGRAM POLIKASIH@BESUT 2016



KURSUS GREEN CARD (CIDB)

Nama Program BENGKEL E-LEARNING PELAJAR SEMESTER 1 SIRI I

Tarikh 16 – 17 Februari 2016

Tempat Makmal Komputer JMSK, PKT

Di antara objektif program ini adalah mendedahkan pelajar kepada Pembelajaran Teradun dan Polytechnic E-Learning Portal. Program bermula dengan pendedahan penggunaan antara muka serta fungsi yang terdapat di dalam Polytechnic E-Learning Portal. Pelajar juga ditunjukkan cara-cara untuk menggunakan LMS PKT.

Nama Program BENGKEL PEMURNIAN PELAPORAN CONTINUOUS QUALITY IMPROVEMENT (CQI)

Tarikh 20 Januari 2016

Tempat Makmal Komputer JMSK, PKT

Bengkel Pemurnian Pelaporan Continuous Quality Improvement (CQI) Bagi Kursus-Kursus Di Jabatan Matematik, Sains & Komputer ini dijalankan bagi memberikan pendedahan berkaitan pelaporan CQI yang lebih terperinci bagi Program Learning Outcome (PLO) kepada pensyarah kursus dan juga memberikan pendedahan berkaitan pelaporan CQI yang lebih terperinci bagi Course Learning Outcome (CLO) kepada pensyarah kursus.

Nama Program PROGRAM BIJAK MATEMATIK

Tarikh 29 Mac 2016

Tempat Makmal Komputer JMSK, PKT

Program Bijak Matematik 2016 telah diadakan pada tarikh 29 Mac 2016 bertempat di Makmal Komputer JMSK & BK1, Politeknik Kuala Terengganu. Pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada 65 orang pelajar semester 1, 2 dan 4 sesi Disember 2015. Di antara objektif utama program ini adalah bagi membantu pelajar yang lemah melalui kaedah latih tubi dan perbincangan. Dengan adanya program ini ia dapat membantu pelajar dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan seterusnya menguasai kursus matematik.



TAZKIRAH

JADILAH SEPerti LEBAH

13
LEKOR
2016

●● Hai manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagimu

Al-Baqarah: 168

JADILAH SEPerti LEBAH

Rasulullah saw. bersabda, “Perumpamaan orang beriman itu bagaikan lebah. Ia makan yang bersih, mengeluarkan sesuatu yang bersih, hinggap di tempat yang bersih dan tidak merosak atau mematahkan (yang dihinggapinya).” (Ahmad, Al-Hakim, dan Al-Bazzar)

Sifat-sifat itu sendiri memang merupakan ilham dari Allah swt. seperti yang Dia firmankan, “Dan Rabbmu mewahyukan (mengilhamkan) kepada lebah: ‘Buatlah sarang-sarang di bukit-bukit, di pohon-pohon kayu, dan di tempat-tempat yang dibikin manusia. Kemudian makanlah dari tiap-tiap (macam) buah-buahan dan tempuhlah jalan Rabbmu yang telah \dimudahkan (bagimu).’ Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Rabb) bagi orang-orang yang memikirkkan.” (An-Nahl: 68-69)

Bukanlah sia-sia Allah menyebut-nyebut dan mengabadikan binatang kecil itu dalam Al-Quran sebagai salah satu nama surah: An-Nahl. Allahu a’lam. Itulah beberapa karakter lebah yang patut ditiru oleh orang-orang beriman.

RINGKASAN PERBANDINGAN LEBAH DENGAN ORANG MUKMIN

Lebah hanya hinggap di tempat-tempat terpilih sahaja. Lebah sangat jauh berbeza dengan lalat. Lalat sangat mudah ditemui di tempat sampah, kotoran, dan tempat-tempat yang berbau busuk. Tapi lebah, ia hanya akan mendatangi bunga-bunga atau buah-buahan atau tempat-tempat bersih yang mengandungi bahan madu atau nektar.

Begitulah pula sifat seorang mukmin. Allah swt. berfirman: Hai manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagimu. (Al-Baqarah: 168)

Semuanya tahu bahawa madu mempunyai khasiat yang banyak untuk kesihatan manusia. Tapi dari organ tubuh manakah keluarnya madu itu? Itulah salah satu keistimewaan lebah. Lebah sangat kaya dengan kebaikan, sedangkan dari organ tubuh pada binatang lain, mereka hanya mengeluarkan sesuatu yang menjijikkan.

Begitu juga seorang mukmin, kita haruslah menjadi manusia yang produktif dengan kebaikan. “Hai orang-orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Rabbmu dan perbuatlah kebajikan (khair), supaya kamu mendapat kemenangan.” (Al-Hajj: 77)

Segala yang keluar dari seorang mukmin adalah kebaikan. Hatinya jauh dari prasangka buruk, iri, dengki; lidahnya mengeluarkan kata-kata yang baik; perilakunya membahagiakan; hartanya bermanfaat bagi banyak manusia; kalau dia berkuasa atau memegang amanah tertentu, dimanfaatkannya sebaiknya untuk manusia.

Lebah tidak pernah merosak atau mematahkan ranting yang dia hinggapi. Begitulah seorang mukmin. Dia tidak pernah melakukan kerosakan dalam apa-apa hal sekalipun: baik secara fizikal mahupun tidak.. Seorang mukmin sentiasa melakukan pembaikan akidah, akhlak, dan ibadah dengan cara berdakwah. Mengubah kezaliman apa pun bentuknya dengan cara berusaha menghentikan kezaliman itu.

Lebah selalu hidup dalam koloni besar, tidak pernah menyendiri. Mereka pun bekerja secara kolektif, dan masing-masing mempunyai tugas sendiri-sendiri. Ketika mereka mendapatkan sumber sari madu, mereka akan memanggil teman-temannya untuk menghisapnya. Demikian pula ketika ada bahaya, seekor lebah akan mengeluarkan feromon (suatu zat kimia yang dikeluarkan oleh binatang tertentu untuk memberi isyarat tertentu) untuk mengundang teman-temannya agar membantu dirinya. Itulah seharusnya sikap orang-orang beriman.

Lebah tidak pernah memulakan serangan. Ia akan menyerang hanya manakala apabila terasa diganggu atau terancam. Dan untuk mempertahankan “kehormatan” umat lebah itu, mereka rela mati dengan melepas sengatnya di tubuh pihak yang diserang. Sikap seorang mukmin: musuh tidak dicari. Tapi jika ada, tidak lari.



●● Hai orang-orang yang beriman,
rukuklah kamu, sujudlah kamu,
sembahlah Rabbmu dan
perbuatlah kebajikan (khair),
supaya kamu mendapat
kemenangan ●●

Al-Hajj: 77

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Nama Program **KURSUS CCNA MODUL 1 & 2**
 Penganjur **JTMK dengan kerjasama Jutacom Sdn. Bhd**
 Tarikh **1 - 4 & 14 - 18 Februari 2016**
 Tempat **Makmal Rangkaian, JTMK, PKT**

Kursus CCNA bertujuan memberi kefahaman dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai protokol dalam rangkaian komputer serta memberi pendedahan cara pengendalian switch dan router melalui simulasi dan peralatan rangkaian yang berada di makmal rangkaian. Peserta perlu mengikuti ujian secara online melalui laman web www.netacad.com dan ujian praktikal untuk lulus dalam kursus ini. Peserta kursus terdiri daripada Pensyarah JTMK, JKE dan Staf USM.



Nama Program **BENKEL KEMAHIRAN KOMUNIKASI**
 Penganjur **Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan kerjasama Persatuan Alumni PKT**
 Tarikh **20 Februari 2016**
 Tempat **Dewan Utama, PKT**

Bengkel Kemahiran Komunikasi merupakan bengkel perkongsian ilmu yang menjurus ke arah memperlengkapkan diri pelajar dengan kemahiran personaliti dalam menguruskan sendiri dengan berkesan, terancang dan bermakna. Antaranya adalah melibatkan aspek keyakinan diri, minda kreatif, analitikal dan kritikal, ketahanan mental, kepimpinan dan kefasihan berbahasa Inggeris. Justeru itu, program ini dirancang dan diharapkan dapat membantu pelajar semester akhir menunjukkan prestasi yang lebih baik semasa melaksanakan pembentangan projek akhir.



Nama Program **PERTANDINGAN JTMKSkills 2016**
 Tarikh **30 -31 Mac 2016**
 Tempat **Makmal JTMK, PKT**

Penganjuran pertandingan JTMKSkills ini adalah untuk mencungkil bakat kemahiran para pelajar untuk mewakili PKT dalam pertandingan POLYSkill 2016. Antara bidang yang dipertandingkan adalah Web Design, IT Software for Business Solution, dan Graphic Design. Seramai 52 orang peserta menyertai pertandingan ini iaitu 20 orang peserta Graphic Design, 17 orang peserta Web Design dan 15 orang peserta IT Software for Business Solution.




Nama Program **PROGRAM PELAJAR BERSAMA INDUSTRI**
 Penganjur **JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**
 Tarikh **26 hingga 27 Ogos 2016**
 Tempat **Makmal Projek, MKR, MIT3, JTMK, PKT**

PROGRAM PELAJAR BERSAMA INDUSTRI bertujuan memberi pendedahan ilmu oleh konsultan dari industri untuk berkongsi pengetahuan dan teknologi terkini supaya graduat yang bakal dihasilkan kekal relevan dengan keperluan industri semasa. Program ini dilaksanakan di Politeknik Kuala Terengganu pada 26 hingga 27 Ogos 2016 dan melibatkan tiga pihak industri iaitu CISCO Malaysia, Web Creative Solution dan MySoftcare Solution Sdn. Bhd. serta seramai 80 orang pelajar JTMK semester satu, dua, tiga dan lima.


Nama Program	PROGRAM BUILDING DISRUPTIVE APPS IN FINTECH FOR TVET
Penganjur	Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan iTrain.
Tarikh	5-8 September 2016
Tempat	Makmal IT3 PKT, Kuala Terengganu

Bengkel ini merupakan panduan hands-on untuk pelajar bagi mereka bentuk dan membina aplikasi mudah alih menggunakan platform sumber terbuka seperti Android Google. Kursus ini menjelaskan apa itu Android, Android SDK, ciri-ciri penting, dan juga API seperti 'background services' dan 'notification'. Bengkel ini melibatkan institusi yang terlibat bagi program kolaborasi industri Fintech Disruptive Mobile Application Development.



Nama Program	BENGKEL WEB PROGRAMMING (ASP)
Penganjur	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Tarikh	23 – 24 September 2016
Tempat	Makmal IT3, PKT

Kursus Web Programming (ASP) yang dianjurkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar semester akhir dalam bahasa pengaturcaraan ASP. Maka dengan pelaksanaan kursus ini pelajar akan mempunyai satu lagi merit tambahan untuk mereka memasuki alam pekerjaan kelak.



Nama Program	TECHCREAVERY '16 (TECHNOLOGY & CREATIVE DISCOVERY 2016)
Penganjur	Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan iTrain.
Tarikh	17hb hingga 18hb Oktober 2016
Tempat	Dewan Zaaba, KPT, Putrajaya & KDC, Cyberjaya

Pelajar JTMK telah menyertai TechCreavery '16 dalam kategori TRIZ Inventive Problem Solving Competition dan ICON Mobile Application Development.



BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	21 Januari 2016	Bengkel Kaedah Pencarian Maklumat Dalam Bahan Rujukan	SK Kompleks Gong Badak, Kuala Terengganu
2	31 Mac 2016	Bengkel Kaedah Pencarian Maklumat Dalam Bahan Rujukan: Kamus dan Ensiklopedia dalam Menjana PdP Abad-21.	SK Seberang Takir, Kuala Terengganu
3	04 April 2016	Kempen Galakan Membaca Peringkat Negeri Terengganu	SMK Seri Nilam, Kuala Terengganu
4	11 April 2016	Kursus Pendek Cara Mudah Menggunakan Kamus	SM Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu
5	17 April 2016	Pertandingan Tokoh Nilam Guru Sempena Hari Guru Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2016	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu.
6	25 April 2016	Jom Baca Bersama 10 Minit : Resensi Tafsir Al-Quran	Unit Perpustakaan PKT
7	03-04 Mei 2016	Bengkel Pengelasan Buku " Library of Congress Classification"	Unit Perpustakaan PKT
8	11-12 Mei 2016	Bengkel Fail Meja Unit Perpustakaan	Unit Perpustakaan PKT
9	29 Jun 2016	Satu Jam Bersama Al-Quran & Program Kacau Bubur Lambuk	Anjung Ilmu PKT
10	13 Julai 2016	Simulasi Penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan (APSSK) Tahun 2016 Kategori Sekolah Menengah	SM Sains Sultan Mahmud Kuala Nerus, Terengganu
11	16 Julai 2016	Simulasi Penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan (APSSK) Tahun 2016 Kategori Sekolah Rendah	SK Kompleks Seberang Takir, Kuala Nerus, Terengganu
12	04 Oktober 2016	Program Nilam: Aktiviti Galakan Membaca	SMK Seri Nilam, Kuala Terengganu

UNIT PERPUSTAKAAN

13	06 & 13 Oktober 2016	Gotong-Royong Eksa Unit Perpustakaan Siri 1	Unit Perpustakaan PKT
14	02-03 November 2016	Kursus Pertengahan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) Untuk Guru Perpustakaan dan Media Negeri Terengganu 2016	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu
15	07-10 November 2016	Kursus Asas Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) Untuk Guru Perpustakaan dan Media Negeri Terengganu 2016	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu

GALERI G A M B A R



SK KOMPLEKS SEBERANG TAKIR (STARS)
"JADI SUNGGUJ STARS 2016"
SEMOGA KEHAYATAN APSSK 2016 MILIK STARS

PEMULAN SIMULASI PENGHAKIMAN APSSK 2016
SK KOMPLEKS SEBERANG TAKIR (8.30 PAGI)

YA ALLEH, KUBENAKANLAH KEJAYAN YANG CEMERLANG KEPADA SK KOMPLEKS SEBERANG TAKIR, AMINN.

Simulasi Penilaian
**ANUGERAH PUSAT SUMBER SEKOLAH
PERINGKAT KEBANGSAAN
2016**

Tempat :
SMA ISKANI SIA TRAWA MAHAJED, KUALA NERUS
CAMPUS KOMPLEKS SEBERANG TAKIR, KUALA NERUS
06 (2016) 040201 - 06 (2016) 041113


13 DAN 14 JULAI 2016

Satu Jam bersama al Quran &
**Program Kacau & Agihan
BUBUR LAMBUK**
Semua staf dan pelajar dijemput hadir
29 JUN 2016 | 9.00 pagi | Anjung Ilmu

**POLITEKNIK
MALAYSIAN
MALA TERENGGANU**

Nama Program **Bengkel Pengemaskinian Dokumen MQA JPA**
Tarikh **05 Januari 2016 (selasa)**

Bengkel ini dilaksanakan bertujuan untuk persediaan audit MQA yang akan diadakan pada bulan Febuari 2016. Kursus ini mendedahkan kepada pensyarah keperluan-keperluan audit untuk kursus DEE di Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang baru diperkenalkan bagi memastikan proses P & P mengikut garis panduan yang ditetapkan.



Nama Program **Bengkel Pengemaskinian Dokumen Fail meja JPA**
Tarikh **12 Januari 2016 (selasa) & 19 Januari 2016 (selasa)**

Bengkel ini dilaksanakan bertujuan untuk mengemaskini fail meja pensyarah JPA supaya pensyarah dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

Nama Program **Pertandingan Filem Pendek**
Tarikh **22 September 2016 (Khamis)**
Tempat **Dewan Utama PKT**

Pertandingan dijalankan untuk pelajar-pelajar semester lima JKE dan JTMK yang mengambil kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat dan kemahiran insaniah pelajar dalam menghasilkan filem pendek berdasarkan tajuk-tajuk dalam kursus komunikasi dan penyiaran islam. Terdapat 10 filem pendek yang dipertandingkan hasil karya pelajar-pelajar yang terpilih sebanyak dua filem pendek terbaik daripada setiap kelas. Filem terbaik dinilai berdasarkan dari segi skrip, mesej yang disampaikan penggambaran yang menarik dan jalan cerita yang ringkas dan padat. Kategori hadiah adalah tiga filem terbaik, skrip terbaik dan pelakon terbaik. Filem terbaik dimenangi oleh pelajar daripada kursus DIP 5C.



Nama Program **PROGRAM R.E.S.T – PEACE IN MIND – ANDA BERHAK UNTUK BAHAGIA**
Tarikh **25 April 2016**
Tempat **Dewan Utama, PKT**

Program R.E.S.T – Peace In Mind merupakan program yang diadakan untuk staf sokongan politeknik. Program ini menggunakan pendekatan Expressive Art Therapy untuk membantu menggalakkan luahan emosi melalui lukisan, muzik, mewarna dan melakukan pergerakan. Program ini sesuai untuk staf sebagai satu cara mengurangkan tekanan di tempat kerja mahupun dirumah.



Nama Program **PROGRAM MENGGAPAI IMPIAN KEJAYAAN (TOWARDS 3++)**
Tarikh **15 Oktober 2016**
Tempat **Dewan Utama, PKT**

Program Menggapai Impian Kejayaan (Towards 3.00++) merupakan satu program yang membantu pelajar supaya dapat meningkatkan semula HPNM dalam peperiksaan. Melalui program ini pelajar dapat mengetahui tips-tips dalam menghadapi masalah pembelajaran seterusnya meningkatkan yakin diri untuk berjaya dengan keputusan yang lebih baik.



Nama Program **PROGRAM PENGURUSAN SOSIAL REMAJA PEREMPUAN ISLAM**
Tarikh **22 Disember 2016**
Tempat **Dewan Utama, PKT**

Pada 22 Disember 2016 telah berlangsungnya Program Pengurusan Sosial Remaja Perempuan Islam anjuran Unit Psikologi dan Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am Politeknik Kuala Terengganu yang telah dihadiri oleh pelajar-pelajar perempuan dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Para pelajar telah diberi pendedahan oleh Penolong Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu, Ustaz Nik Zuhaiza Bin Ismail berkaitan masalah sosial dalam kalangan remaja pada hari ini yang semakin kritikal. Selain itu, para pelajar juga diberi penerangan berkenaan hukuman-hukuman yang akan dikenakan jika disabitkan kesalahan khalwat dan berkelakuan tidak sopan. Diharap dengan adanya Program Pengurusan Sosial ini, masalah sosial dalam kalangan pelajar PKT dapat dibanteras sekaligus imej PKT akan terus terpelihara. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi itu telah berakhir pada jam 1.00 petang.



Nama Program BENGKEL KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2016 ANJURAN UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI ,PKT
Tarikh 28-29 Februari 2016
Tempat Dewan Utama, PKT

Bengkel KIK ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenal pasti masalah yang timbul di tempat kerja dan mencari penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisaan serta penghasilan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif. Peserta kursus terdiri daripada Pensyarah JTMK, JKE, JMSK, JPA dan Staf sokongan.



Nama Program PERTANDINGAN INOVASI PELAJAR SESI DISEMBER 2015 ANJURAN UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI,PKT
Tarikh 30 Mac 2016
Tempat Dewan Utama, PKT

Pertandingan Inovasi Projek Pelajar diadakan bertujuan untuk mengetengahkan projek inovasi yang terpilih untuk dipertandingkan dan diberi penghargaan . Selain itu ia juga sebagai satu galakan kepada pelajar untuk menghasilkan produk yang kreatif dan inovatif di samping memberi pendedahan kepada pelajar untuk meningkatkan semangat keyakinan diri dalam aspek berkomunikasi. Pelajar- pelajar yang memenangi pertandingan ini diberi sijil penghargaan dan saguhati di atas usaha dan sumbangan mereka.



Nama Program PERTANDINGAN KIK POLITEKNIK KUALA TERENGGANU ANJURAN UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI, POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
Tarikh 02 Jun 2016
Tempat Dewan Utama, PKT

Pertandingan ini diadakan bagi memilih kumpulan KIK Politeknik Kuala Terengganu menyertai Konvensyen KIK Politeknik Malaysia. Seramai 3 kumpulan KIK PKT menyertai pertandingan ini iaitu Kumpulan e-Trans, Strikers XVI dan AFO. Panel pertandingan KIK ,PKT ialah Encik Shaifudddin Kumar Bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Unit Penyelidikan), Pusat Penyelidikan Dan Inovasi Politeknik dan Dr Wan mohd Kamil Bin Dato' Wan Nik, Pengarah Seksyen Unggas, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.



Nama Program Penggambaran E-Convergence 2016
Tarikh 09 Mei 2016
Tempat PKT (Politeknik Kuala Terengganu)

eConvergence2017 adalah salah satu pembelajaran secara digital yang disampaikan oleh pendidik dan juga pelajar dalam aliran pendidikan TVET yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik (Bahagian Pembelajaran Pengajaran dan Digital). Staf multimedia terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung di dalam pembikinan video ini.




Nama Program Penggambaran Poly-Poly Sempena Majlis Perasmian Politeknik Besut
Tarikh 11-12 Ogos 2016
Tempat UiDM PKT, Sekitar Besut

Penggambaran poly-poly yang dijalankan oleh AJK Gimik bertujuan untuk digunakan bagi tujuan perasmian Politeknik Besut telah dilaksanakan oleh beberapa staf politeknik, pelajar praktikal dan melibatkan beberapa staf dari unit multimedia antaranya En.Wan Sahli sebagai jurukamera, En.Ai-Baihaki sebagai jurufoto dan En.Md Hafriz Fikrie sebagai editor.



Nama Program Penggambaran dan Fotografi bagi tujuan konvokesyen 2016
Tarikh 03 September 2016
Tempat Hotel Permai Inn



Nama Program Penggambaran dan Fotografi bagi tujuan KIK kumpulan e-trans bersama pengarah
Tempat PKT (Politeknik Kuala Terengganu)



AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008

Oleh: Rashid Bin Mohamad

Politeknik Kuala Terengganu telah menjalani Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 pada 22 hingga 23 Februari 2016. Pasukan audit SIRIM QAS melakukan pengauditan terhadap sistem pengurusan kualiti bagi proses pemberian perkhidmatan pendidikan di peringkat diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat yang ditawarkan di politeknik ini. Proses pengauditan selama dua hari tersebut telah berjalan lancar. Secara keseluruhannya, tiada Laporan Ketakakuran (NCR) dan sebanyak enam Peluang Penambahbaikan (OFI) dikemukakan oleh pasukan audit.



MESYUARAT EKSA PKT

Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

30 Mac 2016 (Rabu), Jawatankuasa Induk EKSA PKT telah mengadakan mesyuarat bersama Pengarah PKT. Mesyuarat ini diadakan sebagai langkah permulaan kepada perjalanan EKSA kepada warga PKT seluruhnya. Mesyuarat ini dihadiri semua ahli jawatankuasa induk EKSA yang telah dilantik di Bilik Persidangan PKT.



BENGGEL JURUAUDIT EKSA

Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

8 Mei 2016 (Ahad), 27 orang termasuk semua ahli jawatankuasa induk EKSA yang dilantik telah menghadiri Bengkel Juruaudit yang diadakan di Bilik Kuliah JPA, PKT. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada skema pemarkahan dan cara pengauditan dilaksanakan serta dibimbing oleh juruaudit yang berpengalaman iaitu Puan Aziah Binti Adi yang dikenali dengan gelaran Champion EKSA oleh MAMPU.



UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK

TAKLIMAT GARIS PANDUAN EKSA

Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

8 Mei 2016 (Ahad), EKSA PKT telah menganjurkan taklimat garis panduan EKSA yang bertempat di Dewan Utama PKT. Puan Aziah Binti Adi yang merupakan juruaudit EKSA dan juga dikenali dengan gelaran Champion EKSA oleh MAMPU telah menyampaikan taklimat garis panduan EKSA yang dihadiri oleh semua kakitangan PKT. Taklimat ini bertujuan memperkenalkan EKSA dan memberi peluang kepada mana-mana pegawai atau kakitangan untuk bertanya sebarang persoalan berkaitan amalan EKSA di-organisasi.



PELANCARAN EKSA

Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

25 Mei 2016 (Rabu), Majlis Pelancaran EKSA telah disempurnakan oleh Pengarah PKT iaitu Puan Hajjah Radiah Che Su, di Dewan Utama PKT yang turut dihadiri oleh semua warga PKT. Pelancaran logo EKSA PKT juga turut menjadi satu agenda majlis ini.



LAWATAN AMALAN EKSA KE PSMZA

Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

9 Jun 2016 (Khamis), Jawatankuasa EKSA Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah menjalankan lawatan penanda aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu. Peserta adalah terdiri daripada ahli Jawatankuasa Induk dan ahli Jawatankuasa Kecil EKSA PKT. Objektif lawatan ini adalah untuk melihat pelaksanaan EKSA di Jabatan berkenaan.



BENGGEL GARIS PANDUAN EKSA Disediakan Oleh : Norkatyniy Ismail

10 Ogos 2016 (Rabu), EKSA PKT telah mengadakan bengkel garis panduan EKSA yang dibimbing oleh Penyelaras EKSA PKT iaitu Puan Norkatyniy Ismail yang dihadiri oleh semua Jawatankuasa Induk EKSA PKT.




MESYUARAT MQA UNTUK SRR BAGI PROGRAM DEE Disediakan Oleh : Hj Azman Bin Hussin

Pada 3 Mac 2016 (Khamis) satu Mesyuarat MQA untuk SRR bagi Program DEE diadakan di Bilik Mesyuarat CISEC, Politeknik Kuala Terengganu bertujuan melaksanakan Audit Penilaian Kendiri Program DEE. Hasil daripada mesyuarat, MOCK Audit dokumen MQA-02 bagi Program DEE telah diadakan pada 22 hingga 23 Mac 2016 yang akan diketuai oleh Penyelaras Audit iaitu Encik Wan Mohd Rizairie bin Wan Mohd Noor.



AUDIT PENILAIAN KENDIRI PROGRAM DEE Disediakan Oleh : Hj Azman Bin Hussin

22 – 23 Mac 2016 berlangsungnya Audit Penilaian Kendiri Program DEE yang bertempat di Bilik Operasi Audit, Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Hampir kesemua jabatan dan unit yang terlibat termasuk pelajar JPP bagi persediaan Audit Penilaian Kendiri Program DEE. Antara jabatan yang terlibat ialah JKE, JMSK dan JPA. Dan unit yang terlibat ialah Unit Sukan, Pembangunan, Latihan Industri, Psikologi dan Kerjaya, Perpustakaan, Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pentadbiran. Mesyuarat penutup berlangsung di Bilik Persidangan yang dihadiri oleh wakil setiap jabatan dan unit bagi mendengar laporan penuh yang dibentangkan oleh Ketua Penyelaras Audit MQA PKT.



UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

Nama Program **Taklimat 1 Latihan Industri dan Penggunaan SPMP LI (i-UPLI)**

Tarikh **19 Julai 2016**

Tempat **Bilik Tayangan, Politeknik Kuala Terengganu**

Taklimat 1 Latihan Industri diadakan pada setiap semester. Objektif diadakan taklimat adalah untuk memberi pendedahan dan makluman kepada pelajar tentang tatacara menjalani latihan industri bermula dari proses memilih tempat latihan hingga proses selepas tamat latihan.

Nama Program **Penyeliaan Latihan Industri Secara Zonning Sesi Jun 2016**

Tarikh **21 Ogos 2016 hingga 30 September 2016**

Tempat **Sekitar Kuala Terengganu dan Kota Bharu, Kelantan**

Bermula sesi Jun 2013, pemantauan LI dijalankan secara zonning iaitu pelajar latihan industri dipantau oleh pegawai latihan industri dan pensyarah dari politeknik yang berhampiran dengan lokasi tempat latihan pelajar. Seramai 43 orang pelajar dari pelbagai politeknik telah dipantau oleh pegawai, penyelaras latihan industri jabatan dan dibantu oleh 7 orang pensyarah PKT. Lokasi yang terlibat ialah sekitar Kuala Terengganu, Jerneh, Besut, Setiu dan Kota Bharu.



TAWARAN KEMASUKAN KE POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PROGRAM DIPLOMA/PRA-DIPLOMA

PENGAMBILAN SESI | DIBUKA MULAI
DESEMBER 2017 | 23 OKT - 15 DIS 2017

KEMASUKAN PELAJAR SECARA
WALK-IN

Bawa bersama salinan dokumen berikut:

- | | |
|--------------------|--------------------------|
| 1 KAD PENGENALAN | 3 SIJIL BERHENTI SEKOLAH |
| 2 SIJIL SPM (ASAL) | 4 SIJIL KOKURIKULUM |



Sila hubungi kami di talian:

0111 788 7027 **09 620 4100**

Institusi Milik Penuh Kerajaan



Nama Program	Program Muamalah Milenia : Pengurusan Kewangan Kerjasama Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan Pkt Dengan Yayasan Dakwah Islam Malaysia (Yadim)
Tarikh	9 – 10 Mei 2016
Tempat	Dewan Utama PKT

Kursus Muamalah Milenia merupakan program kerjasama Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan Politeknik Kuala Terengganu bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Kursus ini disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman iaitu Puan Hajah Rohani bt Datuk Hj. Mohd Shahir Pengasas dan Perunding Utama Hijrah Wealth Management Sdn.Bhd, Ustaz Abudullah Hanif Bin Hassan, Cik Aiman Nawwar bt Mohd Razi dari Bursa Malaysia Berhad dan Ustaz Mohd Ridwan Bin Roslan dari Jabatan Pematuhan Syariah Takaful Ikhlas. Seramai 87 peserta telah menghadiri kursus ini di antaranya adalah staf Politeknik Kuala Terengganu, PERMINT,UMT dan Syarikat Syira Maju Sdn. Bhd.

Nama Program	Kursus Penguasaan Bahasa, Pendidikan, Pendorongan Awal Kanak-Kanak Dan Keibubapaan
Tarikh	15 Mei 2016
Tempat	Dewan Utama PKT

Kursus Penguasaan Bahasa, Pendidikan, Pendorongan Awal Kanak-Kanak dan Keibubapaan merupakan kursus yang merangkumi permasalahan menguasai Bahasa Inggeris dan Arab bagi orang dewasa dan anak-anak dan bagaimana mengatasinya. Di samping itu bermanfaat untuk menjadi ibubapa yang berkebolehan dalam proses pendidikan anak. Seramai 64 peserta telah menghadiri kursus ini di mana pesertanya terdiri daripada staf Politeknik Kuala Terengganu dan juga agensi kerajaan lain. Di antaranya adalah Pejabat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat Terengganu dan Sekolah Tunas Bakti Perempuan Marang Terengganu. Penceramah pada hari tersebut adalah daripada SABA Corporation Sdn. Bhd.

Nama Program	Ceramah Kepenggunaan Kempen Cepak Tenaga Dan Kempen Kepentingan Pembentukan Dalam Komuniti
Tarikh	8 Ogos 2016
Tempat	Dewan Utama PKT

Ceramah Kepenggunaan Kempen Cepak Tenaga Dan Kempen Kepentingan Pembentukan Dalam Komuniti ini telah diadakan pada 8 Ogos 2016 di Dewan Utama Politeknik Kuala Terengganu. Ceramah ini adalah kerjasama daripada Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dengan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PKT. Tujuan ceramah ini adalah untuk menyampaikan maklumat program secara khusus berkaitan kempen cepak tenaga dan kepentingan pembentukan dalam komuniti. Di samping itu menggalakkan amalan cepak tenaga dan memastikan keberkesanan sistem pembentukan dalam kalangan pengguna. Seramai 80 orang peserta yang menghadiri ceramah ini selain daripada staf PKT di antaranya Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, PERKESO, Kolej Komuniti Kuala Terengganu, Jabatan Kebajikan Terengganu, YADIM, UNISZA dan Politeknik Hulu Terengganu.




Nama Program **Kursus Program Peningkatan Kemahiran “Aplikasi Projek Antaramuka Perisian Dan Perkakasan**
Tarikh **25 – 29 September 2016**
Tempat **Hotel Grand Puteri Kuala Terengganu**

Kursus Peningkatan Kemahiran: Aplikasi Projek Antaramuka Perisian dan Perkakasan ini telah diadakan di Hotel Grand Puteri dan telah diadakan selama 5 hari iaitu 25 – 29 September 2016. Politeknik Kuala Terengganu telah dilantik menjadi urusetia untuk Kursus Peningkatan Kemahiran (PPK) Aplikasi Projek Antaramuka. Seramai 24 orang peserta yang terdiri daripada PKB, PSMZA, PSIS, POLISAS, KPT dan PKT telah menghadiri kursus tersebut.

Nama Program **Kursus Persediaan Umrah**
Tarikh **9 November 2016**
Tempat **Dewan Utama Pkt**

Bengkel Persediaan Umrah ini telah diadakan pada 9 November 2016 di Dewan Utama Politeknik Kuala Terengganu. Bengkel ini adalah untuk memberi input dalam cara-cara menjalani ibadah umrah dengan sempurna. Bengkel ini berlangsung selama sehari (1) yang merangkumi teori dan amali. Manakala penceramah untuk bengkel ini ialah Haji Mohd Shukri Bin Hj. Ali yang berpengalaman dalam ibadah umrah dan ini merupakan kerjasama bersama dengan Syarikat Juara. Seramai 68 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada staf Politeknik Kuala Terengganu, Politeknik Hulu Terengganu, Institut Latihan Perindustrian Gong Badak, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.





Nama Program **Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 3 KPT**
Tarikh **25 Januari 2016 – 5 Februari 2016**
Tempat **UTM, Skudai Johor**

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan IPT (MASUM, MSP, MASKOM dan MASISWA) menganjurkan SUKIPT (Sukan Institusi Pendidikan Tinggi) bermula pada tahun 2012 yang diadakan secara dwi tahunan di mana usaha Kementerian untuk membangunkan dan memajukan sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa secara bersepadu. Pasukan Politeknik Terengganu (PSMZA, PKT, PHT) menyertai kejohanan tersebut. Atlet PKT seramai 5 orang yang bertanding dalam acara Badminton, Judo, Boling Padang dan Tenpin Boling. Pencapaian yang amat membanggakan di mana Politeknik Terengganu berjaya mendapat emas pertama sepanjang SUKIPT diadakan melalui acara Judo.

Pencapaian

- 1 EMAS – Judo (Bwh 60kg)
- 2 PERAK – Badminton (Single Lelaki, Single Wanita)
- 1 GANGSA – Lawn Ball (berpasukan)



Nama Program **MASUKIT 2016, INSTEP**
(Kejohanan Badminton IPT Seluruh Terengganu. Kejohanan disertai INSTEP, TATI, UCB, UNISZA, UITM, IPG, UMT dan PKT)
Tarikh **25-26 Mac 2016**
Tempat **Sekitar Kuala Terengganu dan Kota Bharu, Kelantan**



JADUAL 1: AKTIVITI JABATAN/UNIT SEPANJANG TAHUN

TARIKH	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
25 Jan – 3 Feb 2016	Kejohanan Sukan IPT (SUKIPT 3) 2016	UTM Skudai, Johor	Kebangsaan
5 Mac 2016	Kejohanan Badminton Tertutup PKT 2016	Ds Sport, Wakaf Mempelam	Tertutup PKT
19 Mac 2016	Kejohanan Futsal PKT Sesi Disember 2016	Xtreme Futsal Pulau Kambing	Tertutup PKT
27 Apr 2016 hingga 1 Mei 2016	Kejohanan Liga Futsal Politeknik Malaysia 2016	Uptown Sports, Bangi, Selangor	Kebangsaan
8 - 21 Julai 2016	ASEAN University Games 2016	Singapura	Antarabangsa
4 - 8 Ogos 2016	Kejohanan Badminton MSPM Sirkuit 1 2016	PTSS, Arau Perlis	Kebangsaan
29 Sep - 1 Okt 2016	Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah MSPM 2016	PKB Kota Bharu, Kelantan	Kebangsaan
7 - 9 Okt 2016	Kejohanan Interpoly Rugby 10 Sebelah MSPM 2016	PMM Merlimau Melaka	Kebangsaan
8 Okt 2016	Karnival Sukan 2 Peringkat PKT Sempena Hari Sukan Negara 2016	Politeknik Kuala Terengganu	Tertutup PKT

PENCAPAIAN / PRESTASI

- I. **Emas** Judo kategori 60kg SUKIPT 3
- II. **Naib Johan** Perseorangan Lelaki Badminton SUKIPT 3
- III. **Naib Johan** Perseorangan Wanita Badminton SUKIPT 3
- IV. **Tempat ke-3** Kejohanan Liga Futsal Politeknik Malaysia
- V. **Pingat Gangsa** Badminton Berkumpulan ASEAN University Games
- VI. **Naib Johan** Perseorangan Lelaki Kejohanan Badminton MSPM Sirkuit 1
- VII. **Johan** Kategori SHIELD Kejohanan Interpoly Rugby 10 Sebelah MSPM



UNIT SISTEM MAKLUMAT



KESELAMATAN KOMPUTER DAN INTERNET

➤ Ancaman keselamatan pada sistem komputer boleh mengakibatkan pelbagai masalah serius seperti :

- Risiko keselamatan data
- Kesesakan sistem rangkaian
- Mengurangkan produktiviti dan daya saing
- Merugikan kos , masa dan tenaga
- Risiko kehilangan data

JENIS ANCAMAN UTAMA

VIRUS

➤ Satu program yang membiak dan menjangkiti fail atau program lain di dalam komputer. Mengganggu sistem komputer seperti *windows* dan *hard disk*. Mudah merebak menerusi *email*, *pendrive* dan lain-lain.

CECACING (WORM)

➤ Satu program yang berupaya membiak dengan menyalin dirinya sendiri. Tidak perlu menjangkiti fail-fail atau program-program lain terlebih dahulu. Mengganggu sistem komputer sama seperti *virus*. Biasanya merebak menerusi sistem rangkaian seperti email dan perkongsian *folder*. Boleh merebak seperti *virus* iaitu menerusi *pendrive*, *external hard disk* dan sebagainya.

TROJAN HORSE

➤ Program yang menyamar sebagai satu mesej atau program tertentu untuk memperdaya pengguna. Contohnya *pop up* mesej yang keluar ketika pengguna sedang melayari internet dengan menyatakan komputer pengguna mungkin dijangkiti *virus* dan meminta pengguna klik pada pautan atau butang tertentu di mesej tersebut untuk memuat turun perisian yang boleh membantu pengguna mengimbas komputer yang digunakan. Pengguna akan keliru dan segera mengikut arahan tersebut. Ini membolehkan *Trojan Horse* dimuat turun ke dalam komputer pengguna dan seterusnya mengambil alih tugas mengawal komputer daripada pengguna. Ianya mengganggu sistem komputer dan boleh digunakan oleh *hacker* untuk menceroob komputer tersebut.

SPYWARE

➤ Satu program yang berupaya mengintip dan mengimbas maklumat yang terdapat di dalam komputer pengguna dan aktiviti-aktiviti yang sering mereka lakukan menerusi talian internet. Maklumat yang dikumpul biasanya *password*, *account number* dan *personal information*. Biasanya digunakan bersama *adware* dan *Trojan horse*.

UNIT SISTEM MAKLUMAT

TANDA-TANDA BERLAKUNYA SERANGAN KOMPUTER

- Prestasi komputer menjadi perlahan
- Muncul pop up message dengan sendiri di luar kawalan pengguna
- Muncul pop up browser secara tiba-tiba ke laman web tertentu
- Task manager menunjukkan penggunaan CPU yang luar biasa tinggi
- Restart sendiri secara tiba-tiba dan berulang-ulang
- Perisian antivirus memaparkan berkaitan virus yang berjaya dikesan
- Ikon-ikon pelik muncul pada desktop

TEKNIK-TEKNIK MENCEGAH SERANGAN KOMPUTER

- Backup data secara berterusan
- Update windows sekurang-kurangnya sekali seminggu
- Install perisian antivirus
- Imbas, aktifkan auto protect dan buat live update
- Install pengimbas Adware / Spyware
- Install dan gunakan personal firewall
- Gunakan password yang kukuh (gabungan nombor, aksara dan simbol) atau sentiasa menukar password
- Imbas email attachments
- Imbas semua external drives (thumb drive, memory card, hard disk)
- Laksanakan langkah-langkah tambahan seperti dinyatakan


SERANGAN VIRUS RANSOMWARE





POLITEKNIK
MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

ISSN 2289-4136



LEKOR



BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

[f Politeknik Kuala Terengganu](#) [t @politeknik_KT](#) [i Politeknik Kuala Terengganu](#)

diterbitkan oleh:

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU
TEL: 09-6204 100 | FAKS: 09-6204 102
WEB: www.pkt.edu.my